

TEORI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SERTA KEPENTINGANNYA KEPADA GURU PADA MASA KINI: SATU ULASAN

TEACHING AND LEARNING THEORY AND ITS IMPORTANCE TO TEACHERS TODAY: A REVIEW

Ahmad Mujahideen bin Haji Yusoff¹

¹ Pensyarah Darul Quran MAIK dan mantan pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Emel: amy_mujahid@yahoo.co.in

Article history

Received date : 8-5-2026
Revised date : 9-5-2026
Accepted date : 15-6-2026
Published date : 20-6-2026

To cite this document:

Yusoff, A. M. H. (2026). Teori pengajaran dan pembelajaran serta kepentingannya kepada guru pada masa kini: Satu ulasan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 556 – 568.

Abstrak: Teori pengajaran dan pembelajaran merupakan asas penting dalam membentuk amalan pedagogi yang efektif dan relevan dalam pendidikan abad ke-21. Namun begitu, terdapat segelintir guru pada masa kini yang masih kurang jelas tentang teori-teori pengajaran dan pembelajaran serta kepentingannya kepada guru. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis secara kritikal teori-teori utama pengajaran dan pembelajaran iaitu behaviorisme, kognitivisme, konstruktivisme, humanistik dan connectivisme serta kepentingannya kepada guru pada masa kini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui sorotan literatur sistematik terhadap sumber jurnal berimpak tinggi, buku akademik dan kajian terkini. Dapatan menunjukkan bahawa setiap teori menawarkan perspektif berbeza tentang proses pengajaran dan pembelajaran, namun integrasi pelbagai teori mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, penguasaan teori membantu guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, memahami kepelbagaian murid serta mengadaptasi strategi pedagogi berasaskan teknologi. Kajian ini mencadangkan pendekatan integratif dan kontekstual sebagai asas kepada amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti tinggi.

Kata Kunci: Teori Pembelajaran, Teori Pengajaran, Amalan Pedagogi, Profesionalisme Guru dan Pendidikan Abad ke-21

Abstract: Teaching and learning theories are an important foundation in shaping effective and relevant pedagogical practices in 21st century education. However, there are a few teachers today who are still unclear about the theories of teaching and learning and their importance to teachers. This article aims to critically analyze the main theories of teaching and learning, namely behaviorism, cognitivism, constructivism, humanistic and connectivism, and their importance to teachers today. This study uses a qualitative approach through a systematic literature review of high-impact journal sources, academic books and recent studies. The findings show that each theory offers a different perspective on the teaching and learning process, but the integration of various theories can improve the effectiveness of teaching and learning. In addition, mastery of theories helps teachers in planning teaching and learning,

understanding student diversity and adapting technology-based pedagogical strategies. This study proposes an integrative and contextual approach as the basis for high-quality teaching and learning practices.

Keywords: *Learning Theory, Teaching Theory, Pedagogical Practice, Teacher Professionalism and 21st Century Education*

Pengenalan

Pendidikan adalah merupakan satu keperluan bagi manusia lebih-lebih lagi pada zaman kini yang cukup mencabar. Menurut Chew (2015), sistem pendidikan pada zaman ini telah mengalami suatu proses inovasi serta transformasi secara holistik yang berkaitan dengan amalan pengajaran yang membawa kepada perubahan yang positif kepada sistem pendidikan dan kemenjadian murid.

Amalan pengajaran bagi seorang guru yang mantap dan berkesan bermaksud guru tersebut mempunyai keupayaan dalam mempelbagaikan kaedah dan cara pengajaran, menyiap serta menggunakan alat bantu mengajar (ABM) serta mendalami sesuatu topik dan isi kandungan yang ingin diajar (Hj Marzuki, 2018). Amalan pembelajaran merujuk kepada kaedah dan strategi yang digunakan oleh individu untuk memperoleh dan mengekalkan pengetahuan, kemahiran dan sikap. Amalan ini boleh diubah bergantung kepada matlamat individu, gaya pembelajaran, dan konteks di mana mereka mengajar (Arbayah & Basar, 2016).

Amalan pembelajaran yang berkesan boleh membantu para pelajar melibatkan diri dengan bahan yang lebih mendalam, mengekalkan maklumat lebih lama dan menggunakan pengetahuan mereka dengan lebih berkesan dalam situasi dunia sebenar. Pembelajaran ditakrifkan sebagai peningkatan melalui pengalaman, keupayaan menyelesaikan sesuatu masalah, iaitu peningkatan melalui pengalaman, keupayaan untuk mencapai matlamat walaupun terdapat halangan yang tertentu (Sidin, 2016).

Di sekolah misalnya, guru mengaplikasikan pelbagai amalan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk pelajar mereka mengikut tahap dan keupayaan semua pelajar. Strategi pengajaran dan pembelajaran seperti mengaplikasikan pembelajaran teradun untuk mengintegrasikan persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar boleh menggalakkan pelajar berdikari dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.

Permasalahan Kajian

Dalam era pendidikan yang semakin mencabar dan dinamik, guru berhadapan dengan pelbagai perubahan seperti kepelbagaian latar belakang pelajar, perkembangan teknologi, serta tuntutan kurikulum semasa. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu utama berkaitan penguasaan dan aplikasi teori pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru masa kini.

Pertama, masih terdapat guru yang kurang memahami secara mendalam teori-teori pengajaran dan pembelajaran seperti behaviorisme, kognitivisme dan konstruktivisme. Kekurangan kefahaman ini menyebabkan pendekatan pengajaran yang digunakan tidak selaras dengan keperluan pembelajaran pelajar yang pelbagai. Kedua, wujud jurang antara teori dan amalan dalam PdP. Walaupun teori-teori pendidikan telah lama diperkenalkan dalam latihan perguruan, namun aplikasinya dalam bilik darjah masih kurang memberangsangkan. Hal ini menyebabkan proses pengajaran lebih bersifat tradisional dan berpusatkan guru.

Ketiga, perubahan pesat dalam teknologi pendidikan dan pembelajaran digital menuntut guru mengadaptasi teori pembelajaran dalam konteks baharu. Namun begitu, tidak semua guru mampu mengintegrasikan teori dengan penggunaan teknologi secara berkesan. Selain itu, kekangan masa, beban tugas guru dan kekurangan latihan profesional berterusan turut menjadi faktor yang menghalang penguasaan serta pengaplikasian teori secara optimum dalam PdP.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti kepentingan teori pengajaran dan pembelajaran kepada guru masa kini serta mengenal pasti sejauh mana teori tersebut difahami dan diaplikasikan dalam amalan pengajaran sebenar.

Kajian Literatur

Kajian literatur merupakan asas penting dalam memahami perkembangan teori pengajaran dan pembelajaran serta aplikasinya dalam pendidikan moden. Secara umum, teori pembelajaran merujuk kepada kerangka konseptual yang menjelaskan bagaimana proses pembelajaran berlaku, manakala teori pengajaran pula menekankan strategi dan pendekatan yang digunakan oleh guru untuk memudah cara pembelajaran. Menurut kajian-kajian terdahulu, pemahaman terhadap teori-teori ini amat penting bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran serta pencapaian pelajar dalam konteks pendidikan abad ke-21.

Teori-teori Utama Pengajaran dan Pembelajaran

a-Behaviorisme

Teori behaviorisme diasaskan oleh tokoh seperti Watson dan Skinner yang menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui hubungan antara stimulus dan respons. Tingkah laku pelajar boleh dibentuk melalui pengukuhan (reinforcement) dan hukuman. Kajian menunjukkan bahawa pembelajaran dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan penilaian berasaskan perubahan tingkah laku yang dapat diperhatikan (Anugrah, 2023). Walaupun teori ini efektif dalam pembelajaran asas dan kemahiran berstruktur, ia dikritik kerana kurang menitikberatkan proses mental dalaman pelajar.

b-Kognitivisme

Teori kognitivisme menekankan proses mental seperti pemikiran, ingatan dan pemahaman dalam pembelajaran. Tokoh seperti Piaget melihat pembelajaran sebagai proses aktif membina struktur kognitif. Kajian mendapati bahawa pembelajaran berlaku melalui pemrosesan maklumat dan penekanan kepada pemahaman mendalam dan pembelajaran bermakna (Habsy, 2023). Teori ini sangat relevan dalam pendidikan moden kerana ia membantu guru memahami bagaimana pelajar berfikir dan memproses maklumat.

c-Konstruktivisme

Konstruktivisme berpandangan bahawa pelajar membina pengetahuan sendiri melalui pengalaman dan interaksi sosial. Antara cirinya pembelajaran bersifat aktif dan berpusatkan pelajar dan pengetahuan dibina melalui pengalaman sebenar (Fardhany, 2022). Kajian menunjukkan bahawa teori ini mendorong pembelajaran bermakna dan pemikiran kritis.

d-Humanistik

Teori humanistik menekankan perkembangan potensi diri, emosi dan motivasi intrinsik pelajar. Ciri utamanya ialah fokus kepada perkembangan holistik (kognitif, emosi, sosial) dan guru sebagai fasilitator yang menyokong perkembangan individu (Febriansyah & Nurlaili, 2024). Pendekatan ini penting dalam membentuk pelajar yang seimbang dan berdaya saing.

e-Connectivisme

Kajian terkini menegaskan bahawa tiada satu teori yang sempurna secara mutlak. Sebaliknya, pendekatan connectivisme yang menggabungkan beberapa teori adalah lebih efektif dalam konteks pendidikan semasa (Astuti, 2025).

Kajian literatur menunjukkan bahawa teori-teori ini berkembang secara evolusi iaitu behaviorisme memberi fokus kepada luaran (tingkah laku), kognitivisme memberi fokus kepada pemikiran dalaman, konstruktivisme memberi fokus kepada pembinaan makna, humanistik memberi fokus kepada emosi dan potensi insan dan connectivisme memberi fokus kepada pembelajaran era digital dan jaringan. Dari segi sintesisnya berlaku peralihan daripada berpusatkan guru kepada pembelajaran-berpusatkan pelajar dan berpusatkan rangkaian.

Kepentingan Teori kepada Guru Masa Kini

a-Meningkatkan Keberkesanan Pengajaran

Pemahaman teori membantu guru dalam memilih strategi pengajaran yang sesuai dan menyesuaikan pendekatan dengan tahap pelajar. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan teori secara sistematik dapat meningkatkan hasil pembelajaran pelajar (Febriansyah & Nurlaili, 2024).

b-Membantu Perancangan Pengajaran

Teori pembelajaran menjadi asas dalam reka bentuk kurikulum dan penyediaan aktiviti PdP. Guru dapat merancang pengajaran yang lebih tersusun dan berkesan (Sanjaya, 2022).

c-Menyokong Pendidikan Abad ke-21

Dalam era digital dan globalisasi, guru perlu mengintegrasikan teknologi dan menggalakkan pembelajaran aktif. Teori seperti konstruktivisme sangat relevan dalam menyokong pembelajaran berpusatkan pelajar (Habsy, 2023).

d-Meningkatkan Profesionalisme Guru

Penguasaan teori dalam meningkatkan kompetensi pedagogi dan membantu guru menjadi reflektif dan inovatif. Guru yang memahami teori lebih mampu menyesuaikan diri dengan perubahan sistem pendidikan (Febriansyah & Nurlaili, 2024).

e-Menangani Kepelbagaian Pelajar

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Oleh itu behaviorisme sesuai untuk kemahiran asas, kognitivisme untuk pemahaman konsep dan konstruktivisme untuk pemikiran kritis. Pemahaman teori membantu guru mengurus kepelbagaian ini dengan lebih efektif (Khaerunnisa & Rama, 2024).

Daripada kajian literatur, dapat dirumuskan bahawa semua kepentingan ini saling berkait dan tidak boleh dipisahkan. Teori pengajaran dan pembelajaran menjadi asas kepada perancangan PdP, meningkatkan keberkesanan pengajaran, menyokong keperluan pendidikan abad ke-21, membentuk guru yang profesional dan reflektif dan membolehkan guru menyesuaikan pengajaran dengan kepelbagaian pelajar. Manakala secara sintesisnya, teori berfungsi sebagai panduan menyeluruh (holistik) yang membantu guru merancang, melaksana dan menilai pengajaran secara lebih sistematik, fleksibel dan relevan dengan keperluan pendidikan masa kini. Kesimpulannya, kajian literatur menunjukkan bahawa penguasaan teori bukan sahaja

meningkatkan kualiti PdP, tetapi juga menjadi asas kepada pembentukan guru abad ke-21 yang kompeten, adaptif dan inklusif.

Teori Pembelajaran dan Pengajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan komponen penting dalam pembangunan pendidikan. Perkembangan era IT yang progresif telah mengorak dunia pendidikan kepada perisian yang paling canggih. Manakala kaedah lama pula menjadi semakin ketinggalan. Walau bagaimanapun, kita masih lagi terikat dengan model dan teori pengajaran yang berkaitan dengan pendidikan. Pelaksanaan amalan pengajaran akan melibatkan teori pendidikan.

Menurut Usman (2018), pengajaran adalah merupakan satu aktiviti pengembangan ilmu atau kemahiran agar dapat dipelajari dengan cara yang berkesan. Daripada keadaan tidak mengetahui kepada lebih mengetahui, maka pelajar akan berubah dan mengubah suai tingkah laku mereka kepada sesuatu keadaan yang baharu. Menurut Ramsden (2000), pembelajaran ialah satu proses memperoleh pengetahuan berdasarkan kepada pengalaman, penerokaan, dan amalan sehingga berlakunya sesuatu perubahan tingkah laku terhadap diri pelajar. Maka sebab itulah pembelajaran adalah merupakan satu proses yang akan mengubah keadaan, perangai dan pengetahuan seorang manusia berdasarkan pengalaman.

Pada dasarnya, konsep pengajaran dan pembelajaran adalah berdasarkan kepada teori pembelajaran semasa. Pengalaman pengetahuan yang didapati ketika proses pembelajaran berlangsung secara berperingkat-peringkat akan mewujudkan perubahan sikap atau tingkah laku seorang manusia. Menurut Suprijono (2012) menyatakan bahawa teori melibatkan proses mental yang mempunyai kaitan dengan pemerhatian, pengetahuan, serta pemahaman. Ramai ahli psikologi masyhur termasuk Kohler, Koffa, Piaget, Brunner, Ausuble dan Gagné percaya bahawa proses pembelajaran adalah merupakan suatu proses dalaman yang terjadi di dalam fikiran serta tidak mampu untuk diperhatikan secara langsung daripada sikap dan tingkah laku seorang manusia. Proses pemahaman intelek, pemprosesan maklumat melalui struktur dalaman pelajar yang berlainan umur serta kebolehan. Oleh itu, semua maklumat yang didapati akan disesuaikan dengan maklumat yang telah sedia ada, kemudainnya diubah suai serta disusun semula untuk mencipta dan menghasilkan maklumat yang baharu.

Menurut Aas (2018) menjelaskan bahawa teori adalah asas awal untuk melaksanakan amalan dalam pengajaran. Dalam teori pendidikan, kehadiran teori dapat memberikan rangsangan dan menjadi dasar dalam menentukan kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran serta matlamat pendidikan yang ingin dicapai. Berbagai-bagai teori telah dikembang dan digunakan dalam dunia pendidikan. Dalam teori pendidikan, terdapat dua pendekatan iaitu pendekatan autoritarian dan bukan autoritarian. Pendekatan autoritarian ialah guru menetapkan ketentuan-ketentuan yang tertentu dan penguatkuasaannya akan dijalankan tanpa adanya sifat tolak ansur. Sebarang tingkah laku pelajar akan diselia dan dikawal dengan memberikan arahan-arahan yang tertentu dan penyeliaan akan dilakukan secara berlanjutan. Manakala pendekatan bukan autoritarian pula adalah sebaliknya iaitu sangat santai dan jarang memberikan apa-apa peraturan atau arahan tegas terhadap pelajar (Isti'adah, 2020).

Terdapat beberapa teori tertentu yang berkaitan dengan pendekatan autoritarian. Teori-teori tersebut ialah perenialisme, esensialisme, behaviorisme dan positivisme yang dikelompokkan di bawah pendekatan autoritarian. Manakala pendekatan bukan autoritarian pula mempunyai teori-teori yang tertentu iaitu rekonstruksionisme, progresivisme, humanisme dan

connectivisme. Pendekatan autoritarian mempunyai hubungan dengan bilik darjah. Menurut Purwanto et. al (2020) menerangkan bahawa bilik darjah ialah bilik di mana sekelompok pelajar diajar dan dididik oleh seorang guru. Manakala pengurusan bilik darjah pula merupakan satu istilah yang digunakan oleh seorang guru bagi menjelaskan proses untuk memastikan bahawa pelajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah berlangsung dengan baik dan berkesan.

Pendekatan autoritarian dalam organisasi bilik darjah dicirikan oleh struktur yang tegar dan tetap yang mana guru sebagai sumber utama autoriti. Guru mempunyai kawalan tertinggi ke atas bilik darjah dan menggunakan strategi pengajaran secara langsung. Sebaliknya pendekatan bukan autoritarian dicirikan oleh organisasi bilik darjah yang terbuka dan fleksibel dengan insentif dalaman untuk motivasi (Downes, 2017). Menurut Hoy & Miskel (2021) menyatakan bahawa pendekatan bukan autoritarian adalah merupakan satu disiplin yang dikongsi antara guru dan pelajar, dan pengajaran dicirikan oleh kurang penerangan daripada guru dan lebih banyak kepada perbincangan daripada pelajar, pembelajaran berasaskan penemuan dan autoriti penyertaan. Teori pendidikan seperti progresivisme, rekonstruksionisme, humanisme, dan connectivisme adalah berasaskan kepada prinsip bukan autoritarian dan menyokong pendekatan bukan autoritarian terhadap subjek, organisasi bilik darjah, kaedah pengajaran dan penilaian (Usman, 2019).

Teori pembelajaran adalah merupakan asas yang menumpukan kepada pembentukan amalan pembelajaran. Dengan memahami teori pembelajaran, seorang guru itu boleh mengubah suai dan mengaplikasikan kaedah pengajaran berdasarkan kepada kerangka teori pembelajaran agar ianya sesuai dengan kebolehan pelajar. Terdapat lima teori utama yang menonjol dalam bidang pembelajaran dan pengajaran yang dikenali sebagai behaviourisme, konstruktivisme, kognitivisme, humanisme dan connectivisme. Setiap teori menekankan aspek pembelajaran yang berbeza seperti motivasi, ingatan, interaksi dan teknologi. Dengan memasukkan teori pembelajaran ke dalam amalan pengajaran, guru boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik, menarik, dinamik dan berkesan untuk pelajar. Penjelasan lanjut tentang teori-teori tersebut adalah sebagaimana berikut:

a. Behaviourisme

Antara teori asas pembelajaran yang pertama ialah behaviourisme. Menurut Shahbana et. al. (2020), teori behaviourisme ialah merupakan teori tingkah laku yang mana pengajaran dan pembelajaran akan mengubah dan mempengaruhi setiap tindakan dan tingkah laku seorang pelajar sama ada baik atau tidak. Teori ini juga menerangkan bahawa tingkah laku seorang pelajar boleh dilihat, diperhatikan, dikawal serta diramal. Menurut Sanyata (2012), teori ini pertama kali diperkenalkan pada tahun 1913 oleh John B. Watson.

Menurut Muhajirah (2020), prinsip utama behaviourisme ialah hubungan antara tindak balas tingkah laku dengan simulasi. Ahli behaviouris percaya bahawa seseorang individu dikawal oleh ganjaran atau peneguhan daripada persekitaran. Rangka kerja ini juga menekankan kepentingan latihan dan juga motivasi. Ahli tingkah laku percaya bahawa pelajar boleh didorong untuk melakukan sesuatu yang lebih baik dengan latihan yang dilakukan secara berulang-ulang.

Menurut Soesilo (2015), sistem simulasi dan ganjaran yang berulang-ulang boleh mewujudkan peneguhan positif untuk pelajar melakukan dengan sewajarnya. Sebagai contoh, seorang guru menunjukkan cara melukis bulatan sempurna kepada pelajar sekolah rendah. Semasa guru meminta pelajar melukis bulatan berulang kali, pada akhirnya pelajar dapat melukis bulatan itu

dengan baik. Sebagai tanda penghargaan kepada pelajar-pelajarnya yang berjaya melukis bulatan dengan baik, guru menghadiahkan mereka gula-gula. Hal ini juga boleh diterapkan kepada pelajar dewasa, di mana guru akan memberikan markah untuk pencapaian mereka di dalam kelas.

b. Kognitivisme

Menurut Nurhadi (2020), teori kognitivisme ialah merupakan teori yang menekankan proses berfikir di sebalik tingkah laku yang mana proses yang berlaku dalam minda pelajar. Maksud teori kognitivisme dalam pengajaran ialah struktur pengetahuan lebih tersusun rapi, serta pelajar dapat menyerap ilmu yang telah dipelajari. Menurut Fatimah (2015), teori ini menekankan keupayaan pelajar untuk memproses dan menghafal maklumat. Ahli kognitivistik yang terkemuka ialah Jean Piaget. Beliau mendakwa bahawa otak manusia adalah seperti “kotak hitam” di mana kita boleh membangunkan dan menyimpan maklumat yang tidak terkira banyaknya.

Menurut Chew & Cerbin (2020), ahli teori terdahulu telah mengemukakan pembelajaran sebagai satu proses yang melibatkan proses rangsangan, tindak-balas dan peneguhan. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa tingkah laku seseorang bukan sahaja dipengaruhi oleh ganjaran dan peneguhan, juga dipengaruhi oleh aspek kognitif. Dengan kata lain, faktor kognitif juga memainkan peranan utama dalam membentuk tingkah laku dan pembelajaran pelajar.

Menurut Muhajirah (2020), ahli kognitivistik percaya bahawa tingkah laku seseorang itu sentiasa berdasarkan kepada kognitif, iaitu tindakan mengetahui atau memikirkan situasi di mana tindakan itu berlaku. Dalam situasi pembelajaran, seseorang pelajar terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dan terlibat dalam penyelesaian masalah. Disebabkan oleh teori ini, istilah seperti ingatan kerja, ingatan jangka pendek dan jangka panjang telah muncul. Memahami teori ini akan membantu para guru mempunyai lebih banyak latihan untuk menggalakkan pengekalan ingatan terhadap pelajaran yang telah dipelajari. Sebagai contohnya sebelum memulakan pengajaran, guru boleh bertanya kepada pelajar. Pengetahuan terdahulu adalah penting untuk mencetuskan ingatan pelajar dan memudahkan proses pembelajaran yang akan datang. Daripada teori ini, banyak kajian telah dijalankan bagi mengkaji keupayaan otak manusia untuk menyimpan pengetahuan.

c. Konstruktivisme

Teori konstruktivisme adalah berdasarkan kepada tiga prinsip utama iaitu pelajar membina, meruntuh dan membina kembali pengetahuan mereka sendiri. Selepas membina, meruntuh dan membina semula adalah merupakan satu proses pembelajaran. Seterusnya, proses pembelajaran berlangsung apabila pelajar menyusun semula idea yang sedia ada dengan menghubungkan idea baharu dengan idea sebelumnya (Suparlan, 2019).

Prinsip konstruktivisme melibatkan proses yang berterusan dan aktif, termasuklah aktiviti mental dan sosial, penggunaan bahasa, mempunyai konteks, pengetahuan untuk dipelajari, masa yang mencukupi serta metakognisi (kesedaran dan kebolehan mengawal proses berfikir semasa proses pembelajaran) dan motivasi adalah bahagian penting dalam pembelajaran (Sukiman, 2018). Ahli konstruktivistik percaya bahawa pembelajaran adalah satu proses sosial yang melibatkan perkongsian maklumat dengan orang lain. Mengaplikasikan konstruktivisme dalam bilik darjah menekankan pembinaan pengetahuan dalam minda pelajar, dan bukan dipindahkan oleh guru (Suhendi et al., 2021).

Sebaliknya dalam persekitaran pembelajaran tradisional, pelajar secara pasif menerima maklumat daripada guru, di mana pembelajaran adalah berdasarkan amalan secara berulang-ulang. Walau bagaimanapun, dalam bilik darjah konstruktivis, pelajar membina pengetahuan secara individu dan sosial dengan mengumpul dan membentuk pengalaman. Dalam situasi pembelajaran, guru boleh meminta pelajar mencipta, mengembangkan, dan menginovasi pengetahuan baharu atau sedia ada berdasarkan kepada kefahaman mereka sendiri (George, 2010). Teori ini boleh diaplikasikan dalam apa jua bidang. Manakala skema berfungsi sebagai garis panduan kepada pelajar untuk mencipta idea baharu, contohnya mengarang esei.

d. Humanisme

Menurut ahli psikologi humanistik, sifat manusia jika diperhatikan pada asasnya adalah terpuji dan baik. Oleh itu, setiap orang akan berkembang dan terarah secara semula jadi jika keadaan persekitaran sekeliling dapat menyesuaikan diri dengan mereka. Maka seorang guru mestilah mengikuti dengan teliti keperluan pelajar, menolong mereka menyerap ilmu pengetahuan yang mereka suka dan minat. Prinsip ini boleh diperkukuhkan lagi sekiranya setiap individu melakukan tindakan mengikut persekitarannya sendiri serta bebas melakukan pilihan dan mengeluarkan keputusan yang bertujuan membentuk sikap dan tingkah laku serta persekitaran pembelajaran pelajar.

Menurut Arbayah (2018), humanisme ialah merupakan suatu teori yang menekankan nilai serta tindakan manusia sama ada secara sendiri ataupun kolektif di samping memfokuskan kepada pemikiran yang kritis. Hal ini kerana pembelajaran manusia berkait rapat dengan nilai, emosi dan perasaan serta memberi tumpuan dan fokus kepada pembangunan konsep sendiri, motivasi dan intrinsik serta kesedaran sendiri pelajar. Manakala menurut Freist & Freist (2008), humanisme ialah teori pembelajaran yang menekankan potensi individu untuk pertumbuhan dan aktualisasi diri. Menurut ahli teori humanistik, pelajar seharusnya digalakkan untuk mengambil peranan aktif dalam pembelajaran dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri. Mereka juga percaya bahawa memupuk hubungan positif antara pelajar dan guru adalah sesuatu yang penting (Perni, 2018). Pendidikan humanisme juga dikenali sebagai pendidikan berpusatkan orang, yang mana pendekatan pendidikan berdasarkan kerja ahli psikologi humanistik. Daripada didaktisisme tradisional, ia lebih mengutamakan kaedah penyertaan dan penemuan. Manakala humanisme pula mengutamakan kajian tentang keperluan dan minat manusia, memberi tumpuan kepada keseluruhan orang, termasuk perkembangan emosi, sosial, dan intelek (Khusnul, 2017).

Javadi dan Tahamsbi (2019) dalam penyelidikan mereka tentang penggunaan pendekatan kemanusiaan dalam membangunkan buku kursus pelajar mendapati bahawa integrasi pendekatan kemanusiaan menggalakkan pemahaman pelajar yang lebih baik dan membantu mereka belajar dengan mudah. Seorang guru humanis memberikan tumpuan kepada membangunkan harga diri kanak-kanak, yang bermaksud membantu kanak-kanak berasa baik tentang diri mereka sendiri (harga diri tinggi) dan mereka boleh menetapkan dan mencapai matlamat yang sesuai (efikasi sendiri tinggi). Jenis pendidikan ini juga dikenali sebagai berpusatkan kanak-kanak, di mana kanak-kanak bertanggungjawab terhadap pendidikan mereka dan mengambil alih pembelajaran mereka. Tidak seperti behaviourisme yang mungkin menggunakan peneguhan positif seperti pujian dan hukuman dalam bentuk kritikan negatif, humanis menolak pujian dan menyalahkan hukuman (Babbie, 2020).

e. Connectivisme

Teknologi telah mengubah kehidupan, komunikasi dan pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran tradisional juga mesti berkembang selaras dengan format digital serta perkembangan teknologi. Menurut Husaj (2015), connectivisme memberikan perspektif yang baharu tentang bagaimanakah proses pembelajaran berlangsung di alam maya. Dengan cara demikian, prinsip connectivisme ini sangat berkait rapat dengan tujuan pembelajaran pada abad ke-21 iaitu pelajar kreatif dan inovatif pada zaman era digital.

Menurut Downes (2019), teori pembelajaran connectivisme dikemukakan oleh George Siemens yang mana connectivisme ialah teori pembelajaran yang digunakan dalam era digital hari ini dan merupakan teori pembelajaran alternatif dalam era digital. Beliau membangunkan teori pembelajaran sambungan kerana beliau yakin dan percaya bahawa teori pembelajaran terdahulu seperti behaviorisme, kognitivisme, dan konstruktivisme tidak lagi dapat menangani sifat pengajaran dan pembelajaran dalam suasana era digital hari ini.

Menurut Husaj (2015), connectivisme ialah teori terbaharu yang ditubuhkan pada tahun 2004 dan ianya sesuai dengan era dunia digital sepertimana yang kita alami pada hari ini. Aspek utama connectivisme ialah penglibatan pelajar dan guru dengan teknologi. Connectivisme menggalakkan pembelajaran tidak segerak di mana pelajar masih boleh terlibat dari jauh dengan proses pembelajaran (Ramsook & Thomas, 2019). Sebagai contohnya aplikasi Plickers. Menurut Kent (2019), Plickers adalah merupakan salah satu aplikasi yang boleh digunakan dalam persekitaran bilik darjah walaupun tanpa internet. Ia bukan sahaja dapat mengurangkan tugas guru dalam merekod markah pelajar, pelajar juga boleh belajar dalam persekitaran pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan. Perkaitan aktiviti dalam talian dengan pembelajaran pelajar dapat mendedahkan pelajar tentang penggunaan aplikasi dalam talian dan mengurangkan beban guru. Selain itu, kemajuan dalam teknologi telah menjadikan pembelajaran mudah diakses. Sebagai contoh, pelajar boleh mencari rujukan dari laman web dalam talian.

Kepentingan Teori Pengajaran dan Pembelajaran Kepada Guru Pada Masa Kini

Teori dapat membantu para guru untuk memahami asas kepada permasalahan yang berkaitan dengan pembelajaran. Teori dapat dijadikan sebagai panduan atau kaedah yang efektif dan berkesan serta bersesuaian bagi menyelesaikan permasalahan pelajar. Menurut Yohana (2021), sesuatu teori itu boleh diiktiraf sebagai baik dan efektif apabila ianya mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu seperti mampu menerangkan sesuatu maklumat dengan jelas dan mantap, senang difahami, bermanfaat dan mampu untuk membuat sesuatu ramalan pada masa akan datang serta menerangkan perkara-perkara yang telah berlalu, boleh diaplikasikan secara praktikal dan bersifat berterusan serta tidak berdasarkan kepada banyak anggapan iaitu kepercayaan-kepercayaan yang tidak mempunyai asas dan tidak mampu untuk dibuktikannya. Sebagai pendidik, pemahaman teori pembelajaran boleh memberikan garis panduan bagaimana kita harus mengawal dan mengarahkan bilik darjah (Hajian, 2019). Penyepaduan teori pembelajaran dengan amalan pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk membentuk strategi dan memahami keperluan pelajar. Melalui rangka kerja teori pembelajaran ini, para pendidik boleh mereka bentuk amalan pembelajaran berkesan yang boleh memenuhi keperluan pelajar mereka yang pelbagai. Setiap teori pembelajaran saling melengkapi, dan terdapat bidang tertentu yang boleh diaplikasikan berdasarkan ciri-ciri unik pelajar (Glaesser, 2018). Seterusnya penerangan lanjut tentang bagaimana pendidik boleh mengaplikasikan setiap teori pembelajaran dalam amalan pembelajaran mereka.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, behaviouris percaya bahawa ganjaran boleh mengukuhkan tingkah laku positif dan mendorong pelajar untuk melakukan sesuatu yang lebih baik. Guru misalnya boleh menggunakan kaedah ini untuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam bilik darjah. Satu kajian oleh Hoy (2022) mendapati bahawa menggunakan kaedah behaviourisme membantu pelajar meningkatkan kemahiran bertutur mereka. Pelajar bekerjasama dan melibatkan diri dalam pembelajaran aktif melalui kerangka konstruktivisme. Dengan memahami teori ini, guru boleh membangunkan sukatan pelajaran yang menumpukan kepada pembinaan pembelajaran aktif pelajar di dalam bilik darjah. Strategi pembelajaran konvensional seperti penekanan kepada pemusatan guru kini ditukar kepada pemusatan pelajar. Dalam bilik darjah konstruktivisme, guru memudahkan pelajar dan membimbing mereka untuk meneroka pengetahuan baharu (Suhendi et al., 2021).

Strategi pembelajaran ini terbukti dapat menggalakkan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar (Javadi & Tahamsbi, 2019) dan juga dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris untuk pengguna bahasa kedua (Sasan, 2022). Falsafah pendidikan konstruktivisme menonjolkan kepentingan interaksi sosial dalam proses pembelajaran yang mendorong guru untuk mewujudkan persekitaran bilik darjah yang memupuk kerjasama dan interaksi dalam kalangan pelajar. Hasilnya pelajar boleh belajar daripada satu sama lain dan melibatkan diri dengan lebih aktif dengan bahan tersebut. Dengan menerapkan prinsip konstruktivisme, guru boleh membantu pelajar untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang perkara tersebut.

Berkaitan dengan guru, Ramsook dan Thomas (2019) menjalankan kajian yang mendedahkan guru yang melaksanakan konstruktivisme dan connectivisme dalam pendekatan pengajaran mereka berasa lebih bersemangat dan merasai kepuasan dalam pembelajaran. Connectivisme menggalakkan pelajar untuk mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran mereka yang relevan dalam persekitaran akademik hari ini, terutamanya semasa pasca COVID-19. Dengan kemajuan dalam teknologi, pelajar boleh menggunakan sepenuhnya penggunaan internet untuk pembelajaran kolaboratif. Connectivisme juga menekankan kepentingan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Pelajar mesti dapat menilai maklumat yang mereka temui dalam talian dan menggunakannya untuk menyelesaikan masalah dunia sebenar. Bagi guru, pemahaman teori ini dapat melengkapkan mereka dengan kemahiran yang mencukupi tentang cara menangani generasi Alpha pada masa hadapan.

Dalam era abad ke-21 ini, pembelajaran telah diselaraskan dengan pelbagai alat teknologi. Sekolah misalnya semasa COVID-19 telah melaksanakan pembelajaran dalam talian dan belajar dari rumah di mana pelajar terlibat dalam bilik darjah maya (Noor et al., 2020). Norma baharu ini telah membentuk dan mengubah persekitaran pembelajaran konvensional, dan kita dapat melihat kemunculan pembelajaran teradun. Pengintegrasian teknologi dalam bilik darjah didapati dapat menjadikan pelajar berasa minat dan tertarik serta menjadikan proses pembelajaran sebagai aktiviti yang menyeronokkan (Ramsook & Thomas, 2019). Secara keseluruhannya, connectivisme dapat membantu pelajar untuk menjadi lebih terarah sendiri dan mengawal pembelajaran mereka sendiri. Di samping itu juga ia menggalakkan mereka menjadi peserta aktif dalam proses pembelajaran dan bukannya penerima maklumat yang pasif.

Kesimpulan

Tidak ada keraguan tentang sumbangan teori pembelajaran yang dipilih dan dilaksanakan. Setiap teori pembelajaran adalah seperti teka-teki yang diikat bersama. Tiada teori yang dapat memenuhi semua keperluan pembelajaran dan memenuhi ciri pembelajaran pelbagai pelajar.

Oleh itu, menggabungkan teori pembelajaran sebagai asas kepada amalan pembelajaran di sekolah atau institusi tinggi adalah merupakan suatu perkara yang penting. Teori pembelajaran menggerakkan peranan penting dalam pembangunan amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Apabila memahami dan mengaplikasikan teori-teori ini, para pendidik boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik dan berkesan untuk pelajar mereka. Lima teori pembelajaran yang terkenal iaitu behaviourisme, kognitivisme, konstruktivisme, humanisme, dan connectivisme telah menawarkan pandangan yang berbeza tentang proses pembelajaran dan boleh digunakan untuk mencipta strategi pengajaran yang pelbagai dan menarik. Apabila pendidik terus meneroka dan menggunakan teori ini, mereka boleh membantu pelajar melibatkan diri dengan bahan yang lebih mendalam, mengekalkan maklumat lebih lama dan menggunakan pengetahuan mereka dengan lebih berkesan dalam situasi dunia sebenar. Akhir sekali, sebagai pendidik adalah penting untuk mempertimbangkan batasan dan kritikan teori. Tiada teori pembelajaran yang sempurna, dan masing-masing mempunyai batasan dan kritikan. Maka penting bagi pendidik untuk menyedari batasan dan kritikan ini apabila menggunakan teori dalam amalan. Guru juga mestilah mempertimbangkan hasil pembelajaran yang ingin mereka capai, sumber yang ada, dan kaedah pengajaran yang paling selesa mereka aplikasikan. Dengan mempertimbangkan faktor-faktor ini, para guru boleh memilih teori pembelajaran paling sesuai yang boleh membantu mereka mencapai matlamat pengajaran dan memudahkan amalan pembelajaran yang berkesan untuk pelajar.

Rujukan

- Aas, S. S. (2018). Teori-Teori Pendidikan dalam al-Quran, *Jurnal Pendidikan Islam*, vol. 7, no. 01.
- Alang, B. H. & Basar, M. N. (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Pensyarah, IPG Kampus Ipoh: *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*.
- Andrade, H. L. & Brookhart, S. M. (2019). Classroom Assessment as the Co-Regulation of Learning, *Assessment in Education: Principle, Policy & Practice*, vol. 27, issue 4.
- Anugrah, A. T. (2023). Teori belajar behaviorisme dan kognitivisme perspektif pendidikan Islam. *Tarbiyatuna*. <https://doi.org/10.54471/tarbiyatuna.v17i1.2871>.
- Arbayah, M. (2018). Model Pembelajaran Humanistik, *Jurnal Pendidikan Moden*, vol 13, no. 2.
- Astuti, M., et al. (2025). Teori belajar behaviorisme, kognitivisme, konstruktivisme, humanistik, Islami. *Jurnal Lingkar Pembelajaran Inovatif*.
- Aung, Y. M. (2020). Humanism and Education, *International Journal of Advanced Research in Science, Engineering and Technology*, vol. 7, issue 5.
- Babbie, E. (2010). *The Practice of Social Research*, USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Bee, S. (2015). *Transformasi Dijana Legasi: Koleksi Ucapan 2012-2015*. Dr. Hajah Sharifah Bee, Timbalan Pengarah Pendidikan Pulau Pinang. KPM, JPPP. Pulau Pinang: Crucetak Sdn. Bhd.
- Chew, S. L. & Cerbin, W. J. (2020). The Cognitive Challenges of Effective Teaching, *The Journal of Economic Education*, vol. 52, 2021-Issue 1.
- Danim, S. (2017). *Kepemimpinan Pendidikan*, Bandung: Alfabeta.
- Downes, S. (2019). Recent Work in Connectivism, *European Journal of Open, Distance and E-Learning*, Issue no. 2.
- Fardhany, C. H., et al. (2022). Perbandingan teori behaviorisme dan konstruktivisme. *Jurnal Pengembangan Profesi Pendidik Indonesia*.
- Fatimah, I. (2015). Perkembangan Kognitif: Teori Jean Piaget, *Jurnal Intelektualita*, vol. 3, no. 1.

- Febriansyah, R., & Nurlaili. (2024). Pendekatan teori-teori belajar dalam meningkatkan efektivitas pembelajaran. JOEAI. <https://doi.org/10.31539/joeai.v7i2.12493>.
- Freist, J. & Freist, G. (2008). *Theories of Personality*, Amerika: Mc Graw Hill.
- Glaesser, J. (2018). Competence in Educational Theory and Practice: A Critical Discussion, *Oxford Review of Education*, vol. 45, no. 1.
- George, M. G. (2010). *Theories of Learning, A Comparative Approach*, University of Georgia, F.E. Peacock Publishers, Inc.
- Habsy, B. A., et al. (2023). Memahami teori pembelajaran kognitif dan konstruktivisme serta penerapannya. TSAQOFAH, 4(1), 308–325. <https://doi.org/10.58578/tsaqofah.v4i1.2177>.
- Hajian, S. (2019). Transfer of Learning and Teaching: A Review of Transfer Theories and Effective Instructional Practices, *IAFOR Journal of Education*, vol. 7, issue 1.
- Hj Marzuki, S. (2018). *Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di Beberapa Sekolah Menengah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Hoque, M. E. (2022). The Application of Behaviourist Theory for Speech Learning at The Secondary Level in Bangladesh, *Education and Development Research Council (EDRC)*, vol. 2, no. 3.
- Hoy, W. K. & Miskel, C. G. (2021). *Educational Administration: Theory, Research and Practice (11th ed.)*, New York: McGraw-Hill Education.
- Husaj, S. (2015). Connectivism and Connective Learning. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 4 (1).
- Isti'adah, F. N. (2020). *Teori-Teori Belajar dalam Pendidikan*, Jawa Barat: Edu Publisher.
- Javadi, Y. & Tahamsbi, M. (2019). Application of Humanism Teaching Theory and Humanistic Approach to Education in Course, *Journal of Theory and Practice in Language Studies*, vol. 2, no. 2.
- Kent, D. (2019). Plickers and The Pedagogical Practicality of Fast Formative Assessment, *European Journal of Open, Distance and E-Learning*, Issue no. 3.
- Khaerunnisa, K., & Rama, B. (2024). Landasan teori strategi pembelajaran. *Madani: Jurnal Ilmiah Multidisiplin*.
- Khusnul, M. (2017). Gagasan Pemikiran Humanistik dalam Pendidikan, *Journal of Basic Education*, vol. 01, no. 02.
- Muhajirah (2020). Basic of Learning Theory (Behaviorism, Cognitivism, Constructivism, and Humanism), *International Journal of Asian Education*, vol. 01, no. 1.
- Noor, S. Isa, F. D.; Mazhar, M. & Faizan F. (2020). Online Teaching Practices During The COVID-19 Pandemic, *Educational Process: International Journal*, vol. 9, no.3.
- Nurhadi. (2020). Teori Kognitivisme Serta Aplikasinya dalam Pembelajaran, *Jurnal Edukasi dan Sains*, vol. 2, no. 1.
- Perni, N. N. (2018). Penerapan Teori Belajar Humanistik dalam Pembelajaran, *Jurnal Pendidikan Dasar*, vol. 3, no. 2.
- Purwanto, A., Sopa, A., Primahendra, R., Kusumaningsih, S. W. & Pramono, R. (2020). Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transactional, Transformational, Authentic dan Authoritarian Terhadap Kinerja Guru Madrasah Tsanawiyah Di Kudus, *Al-Tanzim: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, vol. 04, no. 01.
- Ramsden, P. (2000). *Learning to Teach in Higher Education*, New York: Routledge.
- Ramsook, L. & Thomas, M. (2019). Implementation of The Principles of Constructivism and Connectivism, *International Journal of Contemporary Applied Researches*, vol. 6, no. 5.
- Sanjaya, G., et al. (2022). Flows in learning theory (behaviorism, cognitivism and constructivism). *Akhlaqul Karimah*. <https://doi.org/10.58353/jak.v1i02.70>.
- Sanyata, S. (2012). Teori dan Aplikasi Pendekatan Behavioristik dalam Pembelajaran, *Jurnal Paradigma*, 14th., VII.

- Sasan, J. M. (2022). Enhancing English Proficiency for Filipinos Through a Multimedia Approach Based on Constructivist Learning Theory: A Review, *Directory of Soviet Officials*, vol. 3 (8).
- Shahbana, E. B., Farizqi, F. K. & Satria, R. (2020). Implementasi Teori Belajar Behavioristik dalam Pembelajaran, *Jurnal Serunai Administrasi Pendidikan*, vol. 9, no. 1.
- Sidin, R. (2016). *Pengajaran Secara Pengalaman: Satu Amalan dalam Perkaedahan Pengajaran*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Soesilo, T. D. (2015). *Teori dan Pendekatan Belajar Behavioristik dan Aplikasinya dalam Pembelajaran*, Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Suhendi, A., Purwarno, P. & Chairani, S. (2021). Constructivism-Based Teaching and Learning in Indonesian Education, *KnE Social Sciences*, 76-89. 10.18502/kss.v 5i4.8668.
- Sukiman, A. (2018). Teori Pembelajaran dalam Pandangan Konstruktivisme dan Pendidikan Islam, *Jurnal Kependidikan Islam*, vol. 3, no. 1.
- Suparlan, S. (2019). Teori Konstruktivisme dalam Pembelajaran, *Jurnal Keislaman dan Pendidikan*, vol. 1, no. 2.
- Suprijono, A. (2012). *Cooperative Learning: Teori & Aplikasi*, Yogyakarta: PT Pustaka Pelajar.
- Usman, H. (2019). *Manajemen Teori, Praktik, dan Riset Pendidikan*, cet. 5, Jakarta: Bumi Aksara.
- Usman U. (2018). *Menjadi Guru Profesional*, Bandung: Remadja Rosda Karya.
- Yohana, F. T. (2021). *Teori Pembelajaran*, Aceh: Yayasan Penerbit Muhammad Zaini.